

NO SOALAN :23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2015

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula had cukai pendapatan rakyat dan juga mengkaji untuk meningkatkan had minima yang kena bayar cukai memandangkan dewasa ini kos kehidupan meningkat dengan banyaknya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengkaji dari

semasa ke semasa ke atas pengenaan cukai pendapatan individu berdasarkan kepada persekitaran ekonomi negara secara keseluruhan. Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, Kerajaan telah menstrukturkan semula kadar cukai pendapatan individu sebanyak 2 kali iaitu untuk tahun taksiran 2013 dan 2015 serta memperkenalkan pelepasan cukai baharu atau menambahbaik pelepasan cukai sedia ada dalam tahun 2012 dan 2015 supaya dapat membantu untuk mengurangkan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar.

2. Penstrukturran semula terkini kadar cukai pendapatan individu yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015 telah diumumkan dalam Bajet 2014 selaras dengan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Penstrukturran semula ini melibatkan penurunan kadar cukai sebanyak 1 hingga 3 mata peratusan mulai kumpulan pendapatan bercukai (*chargeable income band*) melebihi RM5,000. Di samping itu, tahap kumpulan pendapatan bercukai yang dikenakan kadar cukai maksimum telah dinaikkan daripada tahap melebihi RM100,000 kepada tahap melebihi RM400,000 untuk mengelakkan pertambahan cukai yang terlalu mendadak berikutkan pergerakan daripada satu kumpulan pendapatan ke

kumpulan pendapatan berikutnya.

3. Langkah penstrukturkan semula cukai pendapatan individu ini memberi penjimatan kepada semua peringkat pembayar cukai terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Seramai lebih kurang 170,000 orang dalam golongan ini tidak lagi perlu membayar cukai pendapatan. Berdasarkan simulasi bagi golongan yang mempunyai 3 orang anak, tahap pendapatan yang tidak tertakluk kepada cukai meningkat daripada RM49,320 setahun atau purata RM4,110 sebulan kepada tidak melebihi RM54,000 setahun atau purata RM4,500 sebulan. Kenaikan tahap pendapatan yang tidak dikenakan cukai ini pastinya akan dapat membantu pembayar cukai terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk menampung kesan kenaikan kos sara hidup.

4. Kerajaan berpandangan layanan cukai pendapatan individu semasa adalah memadai buat masa ini. Berdasarkan data Lembaga Hasil Dalam Negeri, bilangan individu dikenakan cukai pendapatan di bawah layanan cukai sedia bagi tahun taksiran 2013 adalah hanya lebih kurang 2 juta orang iaitu 14.8 peratus daripada jumlah tenaga kerja. Sungguhpun

demikian, Kerajaan akan secara berterusan mengkaji struktur cukai pendapatan individu demi kesejahteraan rakyat. Dasar percukaian Kerajaan ini mengambil kira pelbagai asas pertimbangan untuk menambahbaik sistem percukaian dalam jangka panjang supaya sistem percukaian negara adalah efektif, telus, mudah dan saksama ke arah meningkatkan daya saing dan mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.